



KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

UCAPAN OLEH

**YB. DATUK DR. EWON EBIN
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**SEMPENA MAJLIS PELANCARAN
PROGRAM KARNIVAL KREATIVITI & SCIENCE4U**

**KHAMIS, 16 APRIL 2015
DI AUDITORIUM CEMPAKA SARI,
PERBADANAN PUTRAJAYA PRESINT 3, PUTRAJAYA**

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Y.B. DATUK DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH
Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

YBHG. DATO' SRI DR. NOORULAINUR MOHD. NUR
Ketua Setiausaha, MOSTI

YBHG. TAN SRI DATO' SERI (DR) ASEH HJ. CHE MAT
Presiden Perbadanan Putrajaya

YBHG. DATO' DR. MOHD AZHAR HJ YAHAYA
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), MOSTI

YBRS. DR. ZULKIFLI MOHAMED HASHIM
Timbalan Ketua Setiausaha (Sains), MOSTI

Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran tetamu istimewa kita, iaitu kartunis terkenal **DATO' LAT** dan angkasawan **Dato' Dr Sheikh Muszaphar**.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan Selamat Pagi dan juga terima kasih kepada semua hadirin dan hadirat kerana sudi hadir pada pagi ini.

2. Saya berasa amat gembira kerana dapat bersama dengan tuan-tuan dan puan-puan sekalian dalam satu lagi program anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), kementerian yang diamanahkan menerajui **agenda STI negara** ke arah sebuah negara yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.
3. Program ini bertujuan untuk **menyemarak serta membudayakan sains, teknologi dan inovasi (STI) di kalangan rakyat Malaysia** ke arah penghasilan kekayaan, penjanaan ilmu dan kesejahteraan rakyat. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk membudaya dan mengamalkan inovasi di segenap lapisan masyarakat, penglibatan semua pihak termasuk sektor awam, swasta, badan bukan kerajaan, golongan akar umbi, komuniti dan individu, dilihat dapat mencetuskan inovasi merentasi pelbagai bidang dan mempunyai impak ke atas sosio-ekonomi negara.
4. Program di bawah **Dekad Inovasi (2010-2020)** yang berlangsung selama tiga hari di Putrajaya ini merupakan **program Science4U kali ke-3 pada tahun 2015, selepas diadakan di peringkat zon selatan,**

iaitu di Negeri Sembilan pada bulan Mac dan baru-baru ini di Pulau Pinang bagi zon utara.

5. Program Science4U seterusnya adalah bagi:

- **Zon Sabah** yang akan diadakan di Pisompuruan Square, Tambunan, Sabah pada 30 April – 1 Mei 2015;
- **Zon Timur** di Taman Tamaddun Islam, Kuala Terengganu pada 19 – 22 Ogos 2015; dan
- **Zon Sarawak** pada 20-22 September 2015, di Waterfront, Kuching, Sarawak

6. Saya menyeru agar masyarakat sekitar Putrajaya khususnya, dan zon tengah amnya, memanfaatkan penganjuran Karnival Science4U di Putrajaya ini. Pelbagai program, dengan tema tertentu telah disusun untuk mengisi program selama tiga hari ini.

Hadirin sekalian,

7. Jika kita sebut mengenai inovasi, **banyak yang melihat kepada inovasi dari segi R&D atau inovasi dari segi produk.** Walau bagaimanapun, bagi yang hadir di **Majlis Anugerah Inovasi Perdana Menteri** September lalu, tentunya masih ingat **YAB Perdana Menteri dalam ucapannya mahu inovasi sosial turut diaplikasikan dalam proses transformasi negara** kerana pendekatan tersebut boleh memberi kesan kepada kehidupan rakyat. YAB PM berpandangan, **inovasi sosial walaupun berbeza dengan inovasi dalam bentuk lain seperti inovasi R&D atau inovasi produk merupakan salah satu cabang inovasi yang boleh membawa kesan secara langsung dan boleh dirasai oleh rakyat.**

8. Susulan kepada saranan YAB PM, sukacita saya memaklumkan bahawa **mulai tahun ini, skop dana R,D&C yang diurus oleh MOSTI akan diperluas untuk turut meliputi inovasi sosial iaitu pembangunan atau pelaksanaan idea samada yang berbentuk produk, perkhidmatan atau model bagi memenuhi keperluan sosial (*meeting unmet social needs*).**

9. **MOSTI INNOVATION SOCIAL** atau singkatannya **MSI**, kelak bukan sahaja akan memberi manfaat kepada masyarakat tetapi juga meningkatkan keupayaan individu untuk bertindak melalui jaringan kerjasama pelbagai pihak. **Majoriti program inovasi sosial yang berjaya di dalam dan luar negeri melibatkan kerjasama erat antara individu, komuniti, kerajaan, pertubuhan dan syarikat swasta.**

10. Sebagai permulaan, bagi membiayai MSI tahun ini **MOSTI bercadang memperuntuk (set aside) sehingga (up to) RM20 juta daripada jumlah dana R,D&C yang telah diluluskan.** Pada permulaan juga, pelaksanaan MSI akan melibatkan :

- i. **program outreach ke peringkat akar umbi (grassroot)** seperti Jejak Inovasi MOSTI-YIM bersama pelajar, NGOs, komuniti, kumpulan/pertubuhan wanita, etnik dan komuniti terpilih; serta
- ii. **mempertingkat (scaling-up) inovasi yang dijejaki** supaya aplikasinya lebih meluas dan faedah sosialnya berganda (amplified).

11. Peringkat seterusnya, ialah **Cabaran Inovasi Sosial (social innovation challenges)** bagi mendapatkan cadangan idea/projek yang lebih berimpak tinggi yang sesuai dilaksanakan di bawah MSI.

12. *In the end, we hope that through MOSTI SOCIAL INNOVATION (MSI), new responses to social needs, that are not traditionally addressed by the market or existing institutions/arrangements are developed in order to deliver better social outcome.*

13. Sebelum mengakhiri ucapan saya pada hari ini, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak atas kerjasama dan usaha gigih untuk menjayakan Karnival ini. **Ucapan terima kasih secara khusus daripada MOSTI kepada YBhg Tan Sri Aseh selaku Presiden Perbadanan Putrajaya** yang begitu banyak menyokong dari segi moral dan juga material dalam menjayakan program kali ini.

Selamat membudayakan STI dan semoga kita bertemu dalam program-program yang lain pada masa hadapan. Dengan itu, saya sukacita **MERASMIKAN KARNIVAL KREATIVITI DAN SCIENCE4U PUTRAJAYA 2015!**

Sekian, terima kasih.